

# **GARISPANDUAN PENGISIAN PERAKUAN AKAUN DAN BAYARAN MUKTAMAD**

## **1.0 PENDAHULUAN**

Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad disedia dan dikeluarkan untuk tujuan membuat bayaran muktamad kepada kontraktor.

Perakuan ini mesti disediakan secepat mungkin setelah kontraktor menunai obligasinya di bawah kontrak selaras dengan Fasal 48 syarat-syarat kontrak.

## **2.0 BORANG YANG DIGUNAPAKAI**

Borang yang digunakan ialah Borang **JKR 66A (Pin. 2/1999)**

## **3.0 PANDUAN MENGISI BORANG**

3.1 Lengkapkan butiran-butiran kontrak dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:-

### **3.1.1 ALAMAT KONTRAKTOR**

Lengkapkan alamat mengikut alamat di Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) atau alamat surat-menyurat terkini yang disahkan secara bertulis dan ditandatangani oleh kontraktor/penama yang terdapat di dalam Sijil Pendaftaran PKK.

### **3.1.2 JUMLAH BERSIH TAMBAHAN/POTONGAN**

Jumlah ini dirujuk kepada **Penyata Pelarasan Harga Kontrak** seperti di **muka 4/4**.

### **3.1.3 HARGA MUKTAMAD KONTRAK**

Adalah harga asal kontrak ditambah atau dipotong berdasarkan **Penyata Pelarasan Harga Kontrak**.

## **3.2 BAHAGIAN A – BUTIR-BUTIR JUMLAH POTONGAN/KURANGAN**

Masukkan:

3.2.1 Bayaran Interim terdahulu No. 1 hingga .....

- Masukkan nombor bayaran terakhir.
- Amaun adalah merujuk **jumlah bayaran interim** terkumpul (tidak termasuk Wang Jaminan Pelaksanaan dan Wang Pendahuluan)

Pembangunan Ukur Bahan JPS Malaysia  
- Kumpulan 1

### 3.2.2 Bayaran Wang Pendahuluan

- Amaun adalah merujuk bayaran Wang Pendahuluan terkumpul (jika berkenaan)

### 3.2.3 Potongan lain jika ada

- Peruntukan syarat-syarat kontrak membenarkan potongan dibuat jika kontraktor gagal menunaikan obligasinya seperti :
  - i. Perlanjutan Insuran/Jaminan Pelaksanaan oleh jabatan (ekoran dari lanjutan masa yang dikeluarkan).
  - ii. Kerja pembaikan yang dilaksanakan oleh jabatan atau pihak ketiga yang dilantik oleh kerajaan setelah kontraktor gagal melaksanakannya.
  - iii. Pembayaran terus kepada SOCSO, levi CIDB dan sebagainya.
- Masukkan potongan ke atas Wang Jaminan Pelaksanaan jika telah dilepaskan separuh (50%).

## 3.3 **BAYARAN MUKTAMAD DIBAWAH KONTRAK**

Nilai ini diperolehi melalui **HARGA MUKTAMAD KONTRAK tolak BUTIR-BUTIR JUMLAH POTONGAN/KURANGAN.**

### 3.4 Pegawai Pengesyor

Turunkan tandatangan dan cop nama serta jawatan pegawai yang bertanggungjawab menyelia projek.

### 3.5 Tarikh

Perakuan mesti disediakan/ditandatangani dalam tempoh 3 bulan selepas tamatnya tempoh Liabiliti Kecacatan atau 3 bulan selepas keluarnya Perakuan Siap Membaiki Kecacatan yang mana terkemudian.

## 3.6 **BAHAGIAN B**

- 3.6.1 **BAYARAN MUKTAMAD DIBAWAH KONTRAK** diisi dengan perkataan dan angka mengikut amaun. **BAHAGIAN B** ini adalah bertujuan mengagihkan **BAYARAN MUKTAMAD DIBAWAH KONTRAK** kepada yang berikut mengikut keutamaan :-

- 1) Kredit hasil bagi Gantirugi tertentu dan Ditetapkan (LAD)
  - 2) Subkontraktor/penerima bayaran seperti di **Lampiran A**
  - 3) Kontraktor Utama
    - Nilai kerja dan amaun lain
    - Pelepasan Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (jika belum dilepaskan atau hanya 50% telah dilepaskan).
- 3.6.2 Masukkan **Fasal 48 (d)(i)** bagi Akuan Statutori dan/atau **Fasal 48 (d) (ii)** bagi Perakuan dari Ketua Pengarah Buruh.
- 3.6.3 Pegawai Penguasa  
Perakuan mestilah ditandatangani oleh **Pegawai Penguasa** sahaja.
- 3.6.4 Perakuan mesti disediakan/ditandatangani dalam tempoh 3 bulan selepas tamatnya tempoh Liabiliti Kecacatan atau 3 bulan selepas keluarnya Perakuan Siap Membaiki Kecacatan yang mana terkemudian.

#### **4.0 SAMPEL**

- 4.1 Sampel Borang JKR 66A (Pin. 2/1999) yang telah diisi adalah seperti **SAMPEL D**.

#### **5.0 DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DIKEMUKAKAN**

- i. Tiga (3) salinan fotostat Perakuan Siap Kerja, yang diakui sah.
- ii. Tiga (3) salinan fotostat Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan, yang diakui sah.
- iii. Perakuan Pemulangan Wang Jaminan Pelaksanaan (jika berkenaan).
- iv. Tiga (3) salinan fotostat Perakuan Pelarasan Jumlah Harga Kontrak yang terakhir (muktamad).
- v. Surat Akuan Statutori Kontraktor (Asal dan dua salinan diakui sah) atau;  
tiga (3) salinan surat pegesahan dari pejabat BURUH atau PERKESO, yang diakui sah.

## **6.0 PEKELILING BERKAITAN**

### 6.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan

#### i. **SPP Bil.8 Tahun 1995**

Pengecualian bayaran gantirugi 'Liquidated and Ascertained Damages' selama tiga (3) bulan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang melaksanakan kontrak kerja dengan Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun serta penubuhan akaun amanah bagi wang gantirugi 'Liquidated and Ascertained Damages' .

### 6.2 Surat Pekeliling JPS

#### i. **Rujukan (49) dlm. PPT. 416 Jilid 2** bertarikh 15.5.1986.

Dokumen-dokumen untuk bayaran Wang Pendahuluan, Bayaran Kemajuan Pertama dan Bayaran Terakhir bagi kontrak kerja.

#### ii. **Rujukan (25) dlm. PPS 10/4/2 BUB Jilid. 4** bertarikh 9.5.2002.

Prosedur Pemulangan 50% Nilai Jaminan Bank/Insurans/Syarikat Kewangan Berlesen dan Wang Jaminan Pelaksanaan apabila Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

## 7. FAQ

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah masa Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad disediakan?	3 bulan selepas tamat tempoh Tanggungan Kecacatan atau 3 bulan selepas keluarnya Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan yang mana terkemudian.
2.	Perluakah dikeluarkan Perakuan Bayaran Interim Akhir sebelum atau bersama Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad?	Tidak perlu. Borang Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad (JKR 66A-Pin. 2/1999) adalah lengkap dan memadai untuk menutup akaun kontrak dan memperakukan bayaran akhir.
3.	Adakah bayaran penultimate masih terpakai?	Tidak kerana bayaran interim boleh terus dibuat dengan syarat tarikh penilaian mestilah dalam tempoh kontrak.
4.	Bagaimana menyelesaikan tuntutan dan kerja-kerja perubahan yang belum selesai selepas perakuan siap kerja dikeluarkan?	Tuntutan dan kerja-kerja perubahan hendaklah diselesaikan secepat mungkin dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Bayaran kepada kontraktor kemudiannya hendaklah dibuat melalui Perakuan Bayaran Interim atau melalui Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.
5.	Siapakah Pegawai Pengesyor dan siapakah pegawai yang bertanggungjawab menandatangani Perakuan Muktamad?	Pegawai Pengesyor ialah pegawai yang menyelia projek manakala pegawai yang menandatangani perakuan ialah Pegawai Penguasa
6.	Bagaimanakah sekiranya kontraktor tidak bersetuju dan enggan menandatangani terhadap Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad?	Kontraktor diberi tempoh selama 30 hari dari tarikh penerimaan untuk menandatangani <b>Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad</b> . Bayaran akan diteruskan selepas tempoh itu walaupun kontraktor enggan menandatangani perakuan tersebut. Kontraktor seterusnya boleh mengemukakan bantahan dan kes boleh dibawa ke mahkamah atau timbang tara.
7.	Bagaimanakah cara pengecualian 'Liquidated and Ascertained Damages' diuruskan?	Kontraktor hendaklah mengemukakan permohonan untuk dikecualikan daripada LAD. Pengecualian bayaran gantirugi 'Liquidated and Ascertained Damages' adalah tertakluk kepada syarat-syarat di para 2 di dalam SPP Bil 12 Tahun 1989.

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
8.	Sekiranya Wang Jaminan Pelaksanaan belum dilepaskan dan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad telah dikeluarkan, bagaimanakah caranya menyelesaikan masalah ini supaya Wang Jaminan Pelaksanaan boleh dikeluarkan?	<p>Wang Jaminan Pelaksanaan boleh dilepaskan dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut kepada Akauntan Negara/Bendahari Negeri:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Ulasan dan pengesahan serta sokongan jabatan ke atas permohonan ini dengan menyatakan butiran pemotongan Wang Jaminan Pelaksanaan dan setiap bayaran interim sehingga mencapai 5% daripada Harga Kontrak (lampiran I).</li> <li>ii) Lengkapkan Perakuan Pemulangan Wang Jaminan Pelaksanaan (Lampiran IV).</li> <li>iii) Salinan fotostat Perakuan Akaun dan bayaran Muktamad yang diakui sah.</li> <li>iv) Salinan baucer bagi pembayaran muktamad.</li> </ul>